

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI tawar RM3j bangunkan produk	Sinar Harian
2	MOSTI sasar pasar 360 produk baru	Harian Metro
3	Kementerian cadang tubuh Pusat Pameran Inovasi Negara	Utusan Malaysia
4	2014 is Malaysia Commercialisation Year	Business Times
5	Government to monetise some local inventions	Business Times
6	MOSTI sedia salur dana biayai pembangunan berinovasi anak syarikat, agensi kerajaan negeri	Bernamea.com
7	Cipta alat pembakar seramik	Berita Harian
8	Developing safety standards	The Star
9	Gempa bumi sederhana melanda Papua New Guinea	Bernamea.com
10	Amaran angin kencang, laut bergelora ekoran Taufan Usagi	Bernamea.com
11	Makmal SIRIM terbakar	Harian Metro
12	Kurang arif guna LPG risiko kebakaran	Berita Harian

Mosti tawar RM3j bangunkan produk

AYERKEROH—Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menawarkan dana berjumlah RM500,000 sehingga RM3 juta bagi membantu membangunkan produk bercirikan inovasi.

Timbalan Menteri, Prof Datuk Abu Bakar Mohd Diah berkata, orang ramai perlu merebut peruntukan dana bersaiz besar yang ditawarkan oleh enam agensi di bawah kementerian terbabit.

Antaranya melibatkan Unit Dana, Biotech Corp, Agensi Nuklear Malaysia, Technology Park Malaysia, Mimos dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia.

“Sebagai contoh Melaka yang dinamik menuju negeri maju fasa kedua perlu mengambil peluang besar ini bagi membangunkan produk bercirikan inovasi.

“Kesempatan ini perlu di-



Abu Bakar dan Md Yunus hadir bersama pada Taklimat Pembangunan Dari Agensi-agensi di bawah Mosti semalam.

rebut setiap negeri juga selepas Pulau Pinang dan Selangor yang banyak menerima dana bagi membangunkan produk inovasi,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada sesi Taklimat Pembangunan Dari Agensi-agensi di bawah Mosti di Seri Negeri, semalam.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri, Datuk Md Yunus Husin.

MOSTI sasar pasar 360 produk baru

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan pengkomersialan 360 produk inovasi menjelang Tahun Pengkomersialan Malaysia (YCY) tahun depan bagi meningkatkan daya saing produk tempatan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Datuk Dr Abu Bakar Diah berkata, pihaknya merancang untuk mengkomersialkan 1,134 produk inovasi pernah menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat tempatan bagi memastikan hasil intelek negara itu berkembang ke peringkat lebih baik.

"Sebelum ini, kami memang mempunyai produk inovasi berpotensi dipertingkatkan, namun ia terhenti setakat itu saja kerana kurang inisiatif dan sokongan pihak berkaitan," katanya pada majlis prapelancongan Forum Inovasi Dunia Kuala Lumpur 2013 (WIFKL 2013) di sini, semalam.

Sebelum ini, kami memang mempunyai produk inovasi berpotensi dipertingkatkan, namun ia terhenti setakat itu"

Dr Abu Bakar Diah

MOSTI melabur RM2.9 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) untuk meningkatkan bilangan produk inovasi melalui tawaran pelbagai dana dan geran, di mana sebanyak 341 produk inovasi berjaya dikomersialkan sepanjang pelan terbabit.

Beliau berkata, MOSTI merancang membina pusat pameran inovasi Malaysia bagi memberi peluang kepada orang ramai mempamerkan produk inovasi masing-masing tanpa dikenakan bayaran.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

Kementerian cadang tubuh Pusat Pameran Inovasi Negara



**ABU BAKAR
MOHAMAD DIAH**

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan menubuhkan sebuah Pusat Pameran Inovasi Negara yang bertanggungjawab mempromosi dan memastikan usaha pengkomersialan produk inovasi dapat dijalankan secara berterusan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pusat pameran yang dijangka dibuka secara percuma kepada penyelidik dan orang ramai pada tahun hadapan

itu adalah selaras dengan sasaran untuk menjadikan 2014 Tahun Pengkomersialan Produk Inovasi.

"Perkara ini kini masih dalam proses perbincangan. Pusat pameran ini akan bertindak sebagai galeri dan mengumpulkan produk inovasi tempatan dalam pelbagai bidang.

"Hal ini demikian kerana pihak kami sedar bahawa kebanyakan produk inovasi yang dipamerkan dalam majlis dan ekspo tidak dipromosi atau dikomersial-

kan secara berterusan selepas diperkenalkan kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar prapelancaran Forum Inovasi Sedunia Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL 2013), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr. Rosli Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Dr. Mazalan Kamis.

Menurut Abu Bakar, kewujudan pusat pameran itu juga relevan ke arah

mencapai status negara pengeluar berteknologi tinggi menjelang 2020.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penubuhan pusat pameran itu secara tidak langsung akan memasarkan produk inovasi tempatan kepada negara luar sekaligus mengubah landskap inovasi Malaysia yang pada ketika ini berada pada tahap rendah berbanding negara lain.

Katanya, langkah itu juga akan mencipta budaya inovasi baharu dalam kalangan masyarakat terutama-

nya generasi muda.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, kementerian menyasarkan kira-kira 10,000 pengunjung dan 1,500 peserta dari 25 buah negara akan hadir pada forum tersebut.

Forum dengan kerjasama YIM selama tiga hari bermula pada 12 November ini diadakan bagi membincangkan pendekatan terbaharu yang boleh diketengahkan dalam memperkasakan industri inovasi negara ini.

BUSINESS TIMES

2014 is Malaysia Commercialisation Year

KUALA LUMPUR: The **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** will declare 2014 as Malaysia Commercialisation Year (MCY) which focuses on helping local inventors commercialise their innovative inventions.

Its deputy minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said some 1,134 products innovated by local innovators have received numerous awards and recognition internationally but only a handful had been commercialised so far.

"In conjunction with MCY, Mosti is targeting to commercialise 360 products from the 1,134 that have won numerous international recognition," Abu Bakar said, adding that Mosti will put forth every effort in making sure that the target is realised.

He said, the 1,134 products were developed with the help of the ministry's special fund allocation under the Ninth Malaysia Plan (2006-2010), totaling RM2.9 billion.

"We have spent a big sum of money for research and development (R&D) which has helped the inventions win a lot of awards and recognition, so now it's time we see those products get on the shelves in the mass market," he added.

Abu Bakar said the MCY, aimed at mass marketing of locally developed inventions, is in-line with the government's aspiration to make the nation a high-income society by 2020, particularly through technological innovation.

"The prime minister has called for a paradigm shift from a knowledge-based economy to one that is innovation-centric, which has to grow by six per cent annually.

"This growth must be fuelled by the ability to work more creatively and innovatively," he said.

Besides MCY, the ministry is also planning to set up the country's first national innovation centre soon which will feature, among others, innovative inventions gallery.

"This is still at the planning stage. We haven't decided on the place or investment needed for the establishment of the centre," Abu Bakar said.

He was speaking to reporters at the soft-launch of the World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL) 2013, here yesterday.

Themed "The Future We Desire", WIF-KL 2013 is jointly organised by MOSTI and Malaysian Innovation Foundation. It is a collaborative effort to provide a platform for all key stakeholders including industry, grassroots innovators and the public to deliberate, network and produce tangible outcomes.

Some 1,500 participants are expected at the three-day event, which will be held at the Kuala Lumpur Convention Centre from November 12.

BUSINESS TIMES

Government to monetise some local inventions

KUALA LUMPUR: The Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) will declare 2014 as Malaysia Commercialisation Year (MCY) which focuses on helping local inventors commercialise their innovative inventions.

Its deputy minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, said some 1,134 local products have received numerous awards and recognition internationally but only a handful had been commercialised so far.

"In conjunction with MCY, Mosti is targeting to commercialise 360 products from the 1,134 that have won numerous international recognition," Abu Bakar said, adding that Mosti will put forth every effort in making sure that the target is realised.

He said, the 1,134 products were developed with the help of the ministry's special fund allocation under the Ninth Malaysia Plan (2006-2010), totaling RM2.9 billion.

"We have spent a big sum of money for research and development (R&D) which has helped the inventions win a lot of awards and recognition, so now it's time we see those products get on the shelves in the mass market," he said.

Abu Bakar said the MCY, aimed at mass marketing of locally developed inventions, is in-line with the government's aspiration to make the nation a high-income society by 2020, particularly through technological innovation.

He was speaking to reporters at the soft-launch of the World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL) 2013, here yesterday.

Themed "The Future We Desire", WIF-KL 2013 is jointly organised by Mosti and Malaysian Innovation Foundation. Some 1,500 participants are expected at the three-day event, which will be held at the Kuala Lumpur Convention Centre from November 12 this year.



Mosti Sedia Salur Dana Biayai Pembangunan Berinovasi Anak Syarikat, Agensi Kerajaan Negeri

MELAKA, 19 Sept (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** bersedia menyalurkan dana bagi membiayai pembangunan produk penyelidikan dan berinovasi kepada anak syarikat dan agensi kerajaan negeri di negara ini.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata dana melalui enam agensi Mosti termasuk Unit Dana, Biotech Corp, Agensi Nuklear Malaysia dan Technology Park Malaysia itu bertujuan menambah peruntukan untuk membangun dan memajukan kerajaan negeri dalam sektor tertentu.

"Ramai tidak tahu terutama anak syarikat dan agensi kerajaan negeri yang mereka boleh memohon dana yang disalurkan Mosti dalam membangunkan sesuatu projek," katanya kepada pemberita selepas taklimat pembangunan daripada agensi di bawah Mosti di sini, Khamis.

Sebagai contoh, katanya, Unit Dana menawarkan beberapa jenis dana termasuk Innofund yang mampu membiayai sesuatu projek sehingga RM500,000 dan Techno Fund sehingga RM3 juta.

Bagaimanapun, katanya, Mosti melalui Biotech Corp telah menyalurkan dana yang tinggi kepada Selangor dan Perak bagi memajukan sektor industri yang terdapat di negeri itu.

Sementara itu, Abu Bakar berkata taklimat sehari itu bertujuan memberi penjelasan mengenai dana yang ditawarkan oleh Mosti serta agensinya kepada anak syarikat dan agensi di negeri ini.

Katanya taklimat itu diharap membuka peluang dan ruang kepada kerajaan negeri Melaka bagi melaksanakan pelbagai projek berinovasi ke arah Melaka Maju Fasa Dua 2013-2023.

-- BERNAMA

Cipta alat pembakar seramik

» *Modal RM2,500 bantu Rozana cetus inovasi sendiri*

Oleh Syalikhah Sazili
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bermain dengan lumpur di bendang ibunya sejak kecil lagi, memberi ilham kepada Rozana Musa menghasilkan seramik menggunakan bahan berkenaan.

Rozana, 31, pemenang anugerah khas Inovasi Akar Umbi Jejak Inovasi 2011, berkata beliau meminati kerja seni seramik sejak di bangku sekolah dan mendalaminya sehingga berjaya mencipta alat pembakar seramik.

"Saya mempunyai pelbagai idea untuk menghasilkan bahan seramik namun kos untuk membeli alat pembakar agak mahal sehingga mencecah RM12,000.

"Oleh itu, bermodalkan RM2,500 saya membuat inovasi alat pembakar sendiri dan kemudian membuka perniagaan produk seramik," katanya.

Bendang studio

Beliau berkata, syarikatnya Bendang Studio yang mempunyai kaitan dengan bendang ibunya di Melaka, kini mampu memperoleh pendapatan RM5,000 sebulan.

Wasinah Kuntagil, 41, dari Kampung Kumawanan Sabah, berjaya menginovasikan makanan tradisional Sabah tuhau menjadi komersial.

"Tuhau yang berasal daripada pokok tuhau adalah makanan orang Sabah yang biasanya di makan bersama air

Cara guna aplikasi AR bagi ZOOM video



Rozana bersama seramik ciptaannya pada majlis prapelancongan WIF-KL di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

“**Bermodalkan RM2,500 saya membuat inovasi alat pembakar sendiri dan kemudian membuka perniagaan produk seramik**”

Rozana Musa

asam, cili dan garam.

"Saya membawa kelainan melalui pelbagai resipi sendiri dan menghasilkan serunding, sambal, jeruk dan belacan menggunakan tuhau," katanya.

Bagi Majid Ahmad Abdul Rashid, 54, beliau mencipta kipas terbang bagi kegunaan penerbangan sukan paramotor.

"Kipas itu (propeller) diperbuat daripada kayu dan ketahanannya lebih baik daripada fiber.

"Sukan paramotor ini semakin mendapat dalam masyarakat justeru ia mendorong saya untuk menghasilkan pro-

peller," katanya.

Mereka ditemui pada majlis prapelancongan Forum Inovasi Sedunia Kuala Lumpur 2013 (WIF-KL), oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Abu Bakar Muhamad Diah, semalam.

Forum WIF-KL yang memasuki tahun kedua itu disertai 1,500 delegasi daripada 25 negara.

Abu Bakar berkata, pihaknya bercadang menubuhkan pusat pameran inovasi negara kepada orang ramai bagi mengkomersialkan produk inovasi tempatan peringkat antarabangsa.

Developing safety standards

Department to create guidelines on harmful chemicals in air fresheners

By P. ARUNA
aruna@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Department of Standards Malaysia is committed to developing standards on harmful chemicals found in air fresheners.

This follows tests conducted by a consumer group which found that several air fresheners sold here contained chemicals such as toluene and phthalates.

The Star highlighted on Sept 9 the results of tests conducted by the Malaysian Association of Standards Users.

"Standards Malaysia contacted us three days after the story was published, asking us to raise a formal request so that they can develop the Malaysian Standards

for air fresheners.

"We will do this as soon as possible," the consumer group's CEO, Ratna Devi Nadarajan, said in an e-mail reply to *The Star* yesterday.

Six commonly used household air freshener products found at supermarkets and shops nationwide were tested by the consumer group for four dangerous chemicals: toluene, benzene, formaldehyde and phthalates.

All were found to contain relatively high levels of at least one of these chemicals, with phthalates – which are endocrine disrupting substances (EDS) – found in four of the six products.

Long-term exposure to EDS can lead to irreversible damage to the immune system and the brain.

The report on dangers posed by these products was sent by the association to three government bodies in 2011 but except for one meeting on the matter, no action was taken.

The report was sent to the Health and Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism ministries as well as Standards Malaysia in 2011.

Standards Malaysia is an agency under the Minister of Science, Technology and Innovation.

Ratna said it would take Standards Malaysia about a year and a half to develop the standards.

"The Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism Ministry can then use this as a regulatory tool to control the safety of air fresheners," she said.

Standards Malaysia contacted us three days after the story was published, asking us to raise a formal request so that they can develop the Malaysian Standards for air fresheners.

– RATNA DEVI NADARAJAN

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)



Gempa Bumi Sederhana Melanda Papua New Guinea

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter melanda Papua New Guinea pada 4.53 pagi ini.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia** melalui laman webnya, pusat gempa bumi itu berada di kedudukan 96km timur laut Wiwak, Papua New Guinea dan 2,985km di tenggara Semporna di Sabah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Ekoran Taufan Usagi

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia** pada Khamis mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora berikutan Taufan Usagi dikesan kira-kira 839 km ke Timur Laut Manila, Filipina pagi ini.

Berikutan taufan itu yang dikesan pada 11 pagi, keadaan angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 50 hingga 60 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter, dijangka berlaku di perairan Sarawak (Miri), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (Pantai Barat dan Kudat) berterusan sehingga Isnin depan.

Keadaan itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut, menurut kenyataan jabatan itu.

Taufan Usagi kini berada kira-kira 1,675 km ke Timur Laut Sandakan, Sabah.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 42
TARIKH: 20 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

ANGGOTA bomba
melakukan
siasatan selepas
kebakaran.



FOTO: IHSAN BOMBA SHAH ALAM

Makmal SIRIM terbakar

Tindakan pantas pekerja halang kebakaran merebak

Oleh Raja Puteri Nabiha
Raja Ayub
am@mediaprima.com.my
Shah Alam

Tindakan pantas kaki-tangan Institut Pita-waian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Berhad, Seksyen 2, di sini, berjaya menyelamatkan sebuah makmal pengujian ketahanan daripada musnah dalam kebakaran, tengah hari semalam.

Dalam kebakaran kira-kira jam 12 tengah hari itu dipercayai bermula apabila mesin pengujian ketahanan plastik di dalam makmal berkenaan tiba-tiba terbakar.

Difahamkan, ketika kejadian, seorang pekerja berada di dalam makmal dan tindakan pantasnya berjaya memadamkan kebakaran daripada terus merebak.

Jurucakap SIRIM Berhad berkata, kebakaran makmal berkenaan berjaya dipadamkan pekerja yang kebetulan berada di tempat kejadian.

"Tindakan pantas pekerja berkenaan dapat mengawal kebakaran daripada terus merebak dan memusnahkan

makmal. Mujur kebakaran berjaya dikawal dalam tempoh beberapa minit.

"Pihak kami kemudian terus menghubungi pihak bomba sebelum sepasukan bomba tiba untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan

jam 12.16 tengah hari sebelum sepasukan pegawai dan anggota dari Balai Bomba Seksyen 15 bergegas ke lokasi kejadian.


"Kebakaran berpunca daripada mesin pengujian ketahanan plastik terbakar sebelum mula merebak ke seluruh bahagian makmal berkenaan.

"Dua jentera FRT dikejarkan ke lokasi kejadian namun ketika pihak bomba tiba, api sudah dipadamkan kakitangan SIRIM," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, punca kebakaran dan jumlah kerugian masih lagi dalam siasatan dan pasukan forensik kebakaran sudah dihantar ke tempat kejadian untuk siasatan lanjut.

FAKTA
Mesin pengujian ketahanan plastik di dalam makmal terbakar

Kurang arif guna LPG risiko kebakaran



Rahmat menunjukkan pengatur gas ketika menjelaskan **keselamatan penggunaan gas domestik dan industri** di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

» Ramai pengguna tak ambil berat periksa hos, pengatur gas

Oleh Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail
smohd@bh.com.my

► Skudai

Ribuan pengguna domestik gas petroleum cecair (LPG) di negara ini berdepan risiko kebakaran dan letupan akibat kurangnya kesedaran berhubung pengendalian dan keselamatan peng-

gunaan gas memasak.

Dianggarkan hanya sebilangan kecil pengguna di negara ini yang arif berkaitan pengendalian gas LPG selain melakukan pemeriksaan berkala pada hos dan pengatur gas.

Dekan Fakulti Petroleum dan Tenaga Diperbaharui (FR-PEE) Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Ir Dr Rahmat Mohsin, berkata pengguna gas LPG domestik mengambil mudah pengendalian dan

“Kebanyakan pengguna tidak menyedari perlunya **penggunaan hos dan pengatur gas yang mendapat kelulusan SIRIM dan pihak berwajib**”

Rahmat Mohsin,
Dekan Fakulti Petroleum
dan Tenaga Diperbaharui
Universiti Teknologi Malaysia

pemeriksaan peralatan gas memasak.

Katanya, kebanyakan pengguna tidak menyedari perlunya penggunaan hos dan pengatur gas yang mendapat kelulusan **SIRIM** dan pihak berwajib.

Tukar tempoh tiga tahun

“Hos dan pengatur gas memasak perlu ditukar dalam tempoh dua hingga tiga tahun bagi memastikan tiada kebocoran yang menjadi punca kebakaran. Pengguna sepatutnya memeriksa hos dan pengatur gas sebulan sekali bagi tujuan keselamatan.

“Gas memasak mempunyai elemen yang mudah terbakar jika berlaku kebocoran termasuk penggunaan suis elektrik dan telefon bimbit. Kemasukan barangan (hos dan pengatur gas) yang tidak mendapat kelulusan pihak berwajib juga dikhuatiri meningkatkan risiko ini,” katanya kepada *BH*, semalam.

Rahmat berkata, walaupun kes membabitkan kebakaran dan letupan akibat kebocoran gas memasak jarang berlaku di negara ini, langkah keselamatan perlu dititikberatkan kerana risikonya besar.

“Ramai hanya tahu untuk petik suis dapur saja tanpa mengambil berat soal keselamatan ketika memasak. Sepatutnya hos dan pengatur gas perlu diperiksa sebulan sekali menggunakan buih sabun yang dibasahi dengan kain.

“Ada juga pengguna yang meletakkan tong gas memasak dalam kedudukan yang salah. Sebenarnya perbuatan ini berbahaya dan lebih berisiko kerana tong gas tidak direka dalam kedudukan baring,” katanya.

Katanya, beliau berharap pengguna gas domestik lebih mengutamakan keselamatan penggunaan gas bagi mengelakkan letupan.